

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 04 FEBRUARI 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	PM ucap syabas kejayaan Dr Zakri	Berita Harian
2	Malaysia mungkin dilanda jerebu akibat letusan Gunung Berapi Sinabung	Utusan Malaysia
3	Monsun Timur Laut kurangkan debu Sinabung	Berita Harian
4	Ceria lawat Putrajaya	Harian Metro
5	Kehadiran LAMP realisasi hasrat EEV	Utusan Malaysia
6	Lynas plant good for EEV hub goal	New Straits Times
7	Kilang Lynas bantu Malaysia jadi hab EEV	Sinar Harian

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 4 FEBRUARI 2014 (SELASA)**

PM ucap syabas kejayaan Dr Zakri

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, mengucapkan syabas kepada penasihat sainsnya, Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid kerana dipilih sebagai penerima Hadiah Antarabangsa Alam Sekitar Zayed 2014 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE).

"Syabas kepada Datuk Seri Dr Zakri Abdul Hamid kerana memenangi anugerah Hadiah Antarabangsa Alam Sekitar Zayed 2014 di Dubai," katanya menerusi laman Twitter beliau semalam.

Sabtu lalu, Zakri dipilih penerima anugerah alam sekitar paling berprestij di dunia itu bagi kategori Kecemerlangan Sains dan Teknologi yang turut dikongsi bersama ahli sains dari India, Ashok Kosla.

Hadiah bernilai US\$1 juta (RM3.34 juta) itu diberikan kepada Zakri dan Ashok atas kepemimpinan cemerlang mereka sehingga membawa perubahan besar dalam pengurusan alam sekitar dunia.

Anak kelahiran Pahang yang juga Pengerusi Bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (MiGHT) itu bergiat aktif di peringkat antarabangsa termasuk memimpin beberapa badan global dalam bidang pengurusan alam sekitar.

BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 22
TARIKH : 4 FEBRUARI 2014 (SELASA)

Malaysia mungkin dilanda jerebu akibat letusan Gunung Berani Sinabung

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Malaysia berkemungkinan akan dilanda jerebu berikutan letusan Gunung Berapi Sinabung di Karo, Sumatera Utara, Indonesia.

Menurut Pegawai Perhubungan Jabatan Meteorologi, Bahagian Khidmat Korporat dan Komersial, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip, keadaan itu berlaku sekiranya angin yang membawa debu bertiup ke arah negara ini.

"Malaysia kini menghadapi monsun timur laut, namun pemantauan alat penunjuk arah angin menunjukkan angin bertiup kencang dari arah barat laut, sekali gus boleh membawa debu Sinabung masuk ke ruang udara negara ini.

"Keadaan jerebu itu dijangka tidak terlalu teruk memandangkan arah angin bertiup sering berubah-ubah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas kesan yang akan diterima oleh Malaysia selepas Sinabung menghamburkan lahar dan gas panas yang mengakibatkan 15 penduduk tempatan terkorban, kelmarin.

Gunung Sinabung mula meletus pada 4 Januari lalu menyebabkan lebih 26,000 penduduk sekitar terpaksa dipindahkan.

Mohd. Hisham berkata, bahagian selatan Semenanjung Malaysia berkemungkinan menjadi kawasan paling terjejas sekiranya jerebu akibat debu Sinabung melanda negara ini.

"Bahagian selatan Semenanjung merupakan kawasan paling hampir dengan Sumatera selain kekuatan angin yang bertiup turut menyumbang kepada kemungkinan jerebu," ujarnya.

Keadaan tersebut juga kata beliau, boleh menjejaskan banyak jadual penerbangan.

Dalam pada itu, Mohd. Hisham menyatakan, debu Sinabung mempunyai partikel halus yang membahayakan kesihatan manusia.

Katanya, debu gunung berapi mempunyai kandungan sulfur yang boleh menjejaskan fungsi paru-paru, sekali gus menyebabkan masalah pernafasan.

Bagaimanapun, Mohd. Hisham memberi jaminan Sinabung tidak akan mencetuskan tsunami.

"Sinabung terletak di bahagian darat dan hal itu tidak akan menyebabkan tsunami, namun Malaysia mungkin merasai sedikit gegaran jika ia meletus kuat," jelasnya.

Sehubungan itu, Mohd. Hisham meminta penduduk di negara ini tidak panik sekiranya cuaca berjerebu tetapi mengambil langkah sewajarnya menghadapi keadaan tersebut.

Monsun Timur Laut kurangkan debu Sinabung

Kuala Lumpur: Angin Monsun Timur Laut yang sebelum ini menyebabkan negara mengalami cuaca sejuk, turut berperanan mengurangkan debu halus gunung berapi Sinabung di Sumatera daripada bergerak ke Malaysia.

Kebarangkalian debu halus akibat letusan gunung berapi itu menuju pantai barat Semenanjung mengecil kerana arah tiupan angin Monsun Timur Laut menghala ke Lautan Hindi.

Pegawai Perhubungan Awam **Jabatan Meteorologi Malaysia**, Mohd Hisham Mohd Anip, bagaimanapun berkata, kemungkinan untuk Malaysia menerima kesan debu halus itu tetap ada khususnya pada ketinggian kurang 6,096 meter (m) dari paras laut berikutan arah tiupan angin dari Barat Laut ke Tenggara.

Malaysia terima kesan

"Pemantauan kami menunjukkan arah tiupan angin adalah pada ketinggian lebih 6,096m hingga 9,144m dari paras laut.

Dalam kes jerebu akibat aktiviti pembakaran di Sumatera pula, Malaysia menerima kesannya kerana arah tiupan angin ketika itu didorong faktor Monsun Barat Laut yang menolak angin barat ke timur.

"Dalam kes debu halus ini, Monsun Timur Laut lebih dominan dan menolak arah angin ke arah Lautan Hindi. Apapun, kami terus memantau dari semasa ke semasa termasuk mendapatkan maklumat dari Pusat Meteorologi Dunia di Darwin, Australia untuk maklumat terkini," katanya kepada *BH*, semalam.

Katanya, cuaca dijangka terus kering untuk tempoh lima hari lagi, kesan Monsun Timur Laut.

"Apa yang kita bimbangkan ialah jarak Sinabung dengan pantai barat Semenanjung tidaklah jauh dan jika debu halus menghala ke negara ini, ia akan memberi kesan tidak baik kepada kesihatan. Namun, daripada maklumat yang diterima, keadaan tidak membimbangkan," katanya.

Gunung berapi di Sumatera itu meletus September 2013, namun hanya memuntahkan batu panas dan debu setinggi 2,000m ke udara, Jumaat lalu dan menyebabkan sekitar kawasan luar bandaranya diselaputi debu kelabu.

Sekurang-kurangnya 15 orang terbunuh terutama pelancong tempatan termasuk empat pelajar sekolah tinggi yang dalam perjalanan bersiar-siar, selepas terkena awan panas yang dilepaskan gunung berapi.

Ceria lawat Putrajaya

30 kanak-kanak dibawa bersiar-siar lihat keindahan pusat pentadbiran negara

Kata orang, keseronokan akan berganda jika dikongsi bersama. Kata-kata ini memang benar apatah lagi tatkala melihat senyuman ceria 30 wajah comel ketika mengikuti aktiviti lawatan penuh keriangan di Putrajaya yang disusun khas untuk mereka.

Kegembiraan di wajah kanak-kanak berumur empat hingga 12 tahun dari Pusat Jagaan Rumah Kesayangan yang dibawa bersiar-siar melihat keindahan pusat pentadbiran negara itu anjuran Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) pada cuti persekolahan lalu.

Ditemani penjaga dan kakitangan MAVCAP, lawatan dimulakan dengan singgah di Perdana



MERAKAM
kenangan di hadapan
Perdana Putra.



RIANG
menikmati hidangan
tengah hari.



GEMBIRA
belayar di Tasik
Putrajaya.

Putra iaitu pejabat Perdana Menteri dan kemudian melihat keunikan seni bina Masjid Putra. Acara kemuncak apabila belayar di Tasik Putrajaya yang membolehkan mereka menikmati pemandangan Putrajaya dari sisi berbeza.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jamaluddin

Bujang, MAVCAP berbesar hati dapat memberikan pengalaman indah kepada kanak-kanak sebagai pengisian istimewa pada cuti sekolah.

"Kami sentiasa mencari peluang seperti ini. Kami tumpang seronok melihat kegembiraan mereka dan diharap ia menjadi kenan-

gan manis buat mereka," katanya.

Sebelum pulang, kanak-kanak itu dibawa menikmati hidangan tengah hari di McDonald's Alamanda. MAVCAP turut membekalkan pusat jagaan berkenaan dengan barangan elektrik untuk dimanfaatkan semua penghuninya.

